

**PERANCANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI DAN
KESANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN MANUSIA
DAN KUALITI HIDUP DI BANDAR: KAJIAN KES BANDAR KOTA
KINABALU DAN SEKITARNYA.**

*Dullah Mulok

*Remali Yusoff

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan perubahan dasar dan perancangan pembangunan kerajaan negeri Sabah sejak merdeka terhadap pertumbuhan ekonomi, proses perbandaran, insiden kemiskinan serta kualiti hidup di bandar Kota Kinabalu dan sekitarnya. Untuk mencapai tujuan ini penulis telah menggunakan sumber data sekunder dan data primer yang diperolehi melalui soalselidik. Selepas negeri Sabah merdeka dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) kita telah dapat melihat kesannya dimana kadar kemiskinan di negeri Sabah telah berkurangan daripada 58.3 peratus pada tahun 1976 kepada 26.5 peratus pada tahun 1997. Namun seperti di Semenanjung Malaysia masalah kemiskinan, kualiti hidup di kawasan bandar dan luar bandar belum dapat ditangani sepenuhnya. Suasana politik dan perubahan kerajaan yang agak kerap sebelum ini hanya mampu memberikan sumbangan yang terbatas terhadap pembangunan fizikal dan mental di negeri Sabah. Bahkan Sabah masih dikatakan salah sebuah negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi di Malaysia, sama ada di bandar mahu pun di luar bandar. Falsafah pembangunan bandar seharusnya seimbang, bertujuan untuk merapatkan jurang pertumbuhan ekonomi di antara kawasan mundur dan maju di dalam bandar mahu pun di luar bandar. Melihat kepada pertumbuhan ekonomi Bandar Kota Kinabalu, dan sekitarnya yang pesat, telah menyebabkan pembangunan kawasan yang tidak seimbang. Pertumbuhan ekonomi bandar Kota Kinabalu telah mendorong penghijrahan masuk penduduk, termasuk pendatang asing secara beramai-ramai ke bandar Kota Kinabalu dan sekitarnya untuk mencari peluang-peluang pekerjaan. Peningkatan penduduk yang pesat ini seterusnya telah menyebabkan wujudnya kawasan-kawasan setinggan yang akhirnya melahirkan pelbagai masalah sosial perbandaran seperti pencemaran, jenayah dan sebagainya. Masalah-masalah ini merupakan isu penting yang perlu ditangani dengan teliti dan teratur oleh kerajaan negeri agar pelaksanaan program perancangan pembangunan selanjutnya mampu memberikan kesan positif yang maksimum terhadap pembangunan sosial dan ekonomi dan mampu menangani kesan limpahan negatif daripada pembangunan bandar. Program pembangunan dalam sistem telekomunikasi, pendidikan, politik dan sosioekonomi kerajaan Barisan Nasional perlu diteruskan agar rakyat negeri Sabah tidak ketinggalan dalam arus pembangunan moden negara.

*Pensyarah di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah. Program Ekonomi Perancangan dan Pembangunan.



**STATE ECONOMIC DEVELOPMENT PLANNING AND IT
EFFECTS ON HUMAN DEVELOPMENT
AND QUALITY OF LIFE IN THE URBAN AREA:
A Case Study of Kota Kinabalu and Its Vicinity.**

***Dullah Mulok**
***Remali Yusoff**

ABSTRACT

The objective of this study is to explore the effect of changes in state planning and development towards economic growth, poverty incidence and quality of life in Kota Kinabalu and its vicinity. Secondary data which is obtained from various government agencies, and primary data obtained from random sample were used and analyse using Statistical Package for Social Science. The implementation of the New Economic Policy from 1970 to 1990 has brought the poverty rate down from 58.3 percent in 1970 to 26.5 percent in 1997. Frequent changes of political power in Sabah has brought limited development weather in the form of physical or mental development. Statistics indicates that Sabah is still behind in term of poverty eradication, both in the urban and rural areas. The philosophy of development should be balanced, striving for reducing inequalities in the urban as well as its vicinity. Studies shows that the unequal or unbalance development of Kota Kinabalu and its vicinity leads to various social problems which includes; crimes, pollution, squatters, migration of foreign workers looking for employment opportunities and so forth. These problem need to be address carefully so that future development would be more comprehensive to include this variable and other negative social economic variables. Comprehensive development is particularly necessary to ensure that any negative impact of development can be counter and balance accordingly. The development of telecommunication, education, economics and politics should be encouraged and continued so that Sabah will not be left behind in the process of modern development.

Lecturer in the School of Business and Economics, Universiti Malaysia Sabah.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH